

Siaran Akhbar



PROTON UMUM HARGA BAHARU BERKUAT KUASA 15 JUN 2020

- Harga kereta-kereta Proton turun antara 1.2% - 5.7%

Subang Jaya, 15 Jun 2020 – Sejar dengan pengumuman pihak Kerajaan mengenai pengecualian cukai jualan pembelian kereta di Malaysia untuk tempoh enam bulan mulai 15 Jun 2020, PROTON akan menurunkan harga keretanya sebanyak 1.2% - 5.7%. Harga-harga baharu ini adalah efektif sepanjang tempoh insentif, sebagai langkah untuk meningkatkan ekonomi selepas berakhirnya sekatan akibat COVID-19 di Negara ini.

"PROTON ingin mengambil peluang ini untuk memberitahu bahawa ini adalah masa yang terbaik untuk memiliki sebuah Proton baharu kepada mereka yang sedang mencari untuk membeli kereta. Dengan adanya bilangan pusat 3S/4S terbanyak di Negara ini, barisan kereta yang telah ditambah baik, peningkatan demi peningkatan yang telah kami perkenalkan serta harga-harga baharu, pelanggan kini boleh menikmati pemilikan kereta dengan nilai yang menarik" kata Dr Li Chunrong, Ketua Pegawai Eksekutif PROTON.

"Kami menerima baik inisiatif Kerajaan untuk memacu pertumbuhan ekonomi melalui rancangan PENJANA dan pengiktirafan mereka terhadap industri automotif Malaysia sebagai antara yang terpenting di dalam ekosistem Negara. Dengan seramai 700,000 pekerja secara langsung dan tidak langsung berada di dalam industri, ia menyumbang sekitar 4.3% kepada KDNK, sekaligus memainkan peranan utama dalam usaha pemulihan ekonomi Negara," tambah beliau.

Syarikat sedang mengatur beberapa strategi untuk meningkatkan jualan dan pada masa yang sama mengambil kira sentimen pembeli sepanjang tahun 2020. Ini termasuklah menerapkan penjarakan sosial yang ketat dan melakukan sanitasi secara kerap di pusat-pusat pameran dan servis serta turut menggalakkan penggunaan tempahan dalam talian bagi transaksi tanpa sentuhan.

"Sebagai sebuah syarikat automotif negara, PROTON akan membantu merencanakan semula semua segmen industri automotif. Kami akan terus bekerjasama dengan para pembekal dan pengedar untuk memastikan mereka mampu mengharungi cabaran ini dan bersedia dalam membantu pertumbuhan ekonomi sekali lagi," kata Dr Li Chunrong.

- Tamat -

PROTON UMUM HARGA BAHARU BERKUAT KUASA 15 JUN 2020

Mengenai PROTON

PROTON Holdings Bhd bermula sebagai projek kereta nasional pertama di Malaysia, yang diasaskan dengan tujuan memesatkan pembangunan ekonomi Malaysia dan mewujudkan asas yang kukuh untuk industri automotif tempatan. Pada tahun 2017, PROTON bergerak ke fasa seterusnya untuk menjadi jenama automotif moden dan bertaraf global melalui kerjasama antara DRB-HICOM dan Zhejiang Geely Holding Group. Hari ini, PROTON terus menarik minat pelanggannya dengan penghasilan kereta yang menepati janji jenamanya iaitu '*Inspiring Connections*' dan berdiri teguh dengan nilai terasnya untuk sentiasa mementingkan Teknologi Inovatif, Koblehpercayaan dan bertaraf Antarabangsa.

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:

Bahagian Kumpulan Komunikasi Koporat, PROTON

- Faisal Shah di hp: 019-321 8897 / tel: 03-8026 9389 / faisalshah@proton.com
- Eyasmin Hameed di hp: 017-6052071 / tel: 03-8026 9683 / Eyasmin@proton.com
- Jaylyn Yvonne at di hp: 012-973 3137 / tel: 03-8026 9328 / Jaylyn@proton.com
- Amy Lim di hp: 012-698 9189 / tel: 03-8026 9670 / aimee@proton.com
- Julaiha Jamaldin di hp 011-2885 4300/ tel: 03-8026 9697 / julaiha@proton.com